

God ialah tuhan, bukan Allah – Dr. M

Kosmo 3 Januari 2010
Oleh **MUSTAPA LAKAWA**
mustapa@kosmo.com.my *C*

KUALA TERENGGANU - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) melahirkan rasa bimbang dengan kemarahan di kalangan umat Islam di negara ini berhubung isu kalimah Allah.

Sambil menyifatkan keputusan mahkamah mengenai isu itu sebagai mengejutkan, Dr. Mahathir percaya walau apa pun alasan yang diberi, kemarahan tetap tercetus di kalangan umat Islam terhadap pihak lain yang menggunakan kalimah Allah.



“Terjemahan perkataan *god* dalam bahasa Inggeris adalah tuhan bukan Allah. Allah adalah spesifik untuk orang Islam sahaja.

“Jadi kalau mereka (agama lain) faham, mereka akan gunakan perkataan tuhan bukannya Allah,” katanya kepada pemberita selepas membentangkan ucap-tama mengenai Mahasiswa Melayu: Cabaran dan Masa Depan pada Konvensyen Mahasiswa Melayu 2010 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Aziz Deraman.

Dr. Mahathir diminta mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Khamis lalu yang membenarkan akhbar mingguan *Herald - The Catholic Weekly* menggunakan perkataan Allah dalam terbitan mereka.

Bekas Perdana Menteri itu juga khuatir perkataan Allah akan digunakan oleh individu terbabit dengan cara yang boleh menimbulkan kemarahan kalangan umat Islam dalam bentuk tulisan pada sepanduk dan sebagainya.

“Kalau hendak guna perkataan Allah, kenakan syarat ketat kerana kita khuatir ia boleh mengundang masalah lain. Jadi, kita serahkan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya,” ujarinya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir menyifatkan kematian bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Mohamed Rahmat pagi kelmarin sebagai satu kehilangan besar kepada negara.